

Atasi bau busuk najis lembu

SAYA ingin menarik perhatian pihak berkuasa di Daerah Kecil Rengit, Batu Pahat, Johor berkenaan kebenaran mengadakan pusat transit lembu di Kampung Bagan Tengah, Rengit, Batu Pahat.

Ini kerana pusat transit berkenaan telah menimbulkan bau busuk dan kurang menyenangkan kepada rumah-rumah yang berdekatan dengan pusat berkenaan.

Terdapat empat buah rumah yang bersebelahan dengan tapak pusat transit berkenaan termasuk rumah saya. Bau busuk daripada najis lembu menimbulkan bau yang kurang menyenangkan terutamanya ketika musim hujan.

Turut menjadi persoalan, adakah tanah yang berstatus pertanian boleh dijadikan tapak transit lembu, tambahan pula ia berdekatan dengan kawasan rumah dengan jarak kira-kira 100 meter sahaja?

Saya amat berharap pihak berkenaan seperti Jabatan Tanah Rengit dan Jabatan Haiwan mengambil perhatian atas perkara ini.

Adalah dicadangkan agar tapak transit berkenaan dipindahkan ke satu tempat lain yang jauh daripada penempatan penduduk kampung.

MD. SU'EB MARKAM

Rengit, Johor.